

**NO. SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6820**

**SOALAN:**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penyiasatan polis terhadap 7 aduan yang dibuat oleh P. Uthayakumar di Penjara Kajang. Aduan ini adalah berkait dengan seksaan dan cubaan untuk membunuh beliau.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

**Semakan yang telah dibuat, mendapati tidak ada laporan polis yang dibuat oleh P. Uthayakumar sendiri sebagaimana yang didakwa semasa beliau berada di Penjara Kajang. Dakwaan mengatakan beliau telah diseksa dan terdapat cubaan untuk membunuh telah dibuat oleh isteri beliau sebagaimana Kajang Repot 15010/2014 pada 19 April 2014. Pengadu Indradevi a/p Subramaniam membuat laporan polis menyatakan agar satu siasatan dibuat atas salah laku pihak Penjara Kajang yang telah mengugut melalui banduan lain untuk mencederakan suaminya. Perkara ini diketahui oleh pengadu semasa beliau melawat suaminya di Penjara Kajang. Keterangan telah diambil daripada saksi-saksi yang terlibat dan tidak ada kejadian sepertimana dakwaan pengadu.**

**Dimaklumkan semenjak menjalani hukuman di Penjara Kajang mulai 5 Jun 2013, berbagai aduan telah dibuat oleh P.Uthayakumar melalui isterinya, pengikut dan lain-lain pihak melalui media dan surat kepada pihak tertentu. Semua aduan tersebut telah disiasat dan diberikan penjelasan. Pada 24 Oktober 2013 semasa Perbahasan Rang Undang-Undang Penjara (Pindaan 2013) Timbalan Menteri Dalam Negeri turut menjelaskan surat aduan P.Uthayakumar yang dibaca oleh YB Puchong berhubung dengan penempatan P.Uthayakumar bukan**

di bilik gelap, kemudahan rawatan, lawatan oleh keluarga dan peguam dan lain-lain kemudahan. Layanan serta hak yang diberikan kepada P.Uthayakumar adalah berasaskan peraturan iaitu sama sepertimana yang diberikan kepada banduan lain.

- i. Ibu Pejabat Penjara telah menjalankan siasatan dan mendapati kejadian ugutan untuk memukul dan mencederakan Uthayakumar tidak berlaku;
- ii. Walaubagaimanapun Penjara Kajang sendiri telah membuat laporan polis untuk siasatan lanjut dan Jabatan Penjara akan memastikan kerjasama sepenuhnya diberikan kepada pihak polis; dan
- iii. Ketua Pengarah Penjara sendiri telah menegaskan kepada mana-mana pegawai penyiasat polis bahawa sekiranya terdapat mana-mana pegawai penjara yang menggunakan kekerasan di luar dari batasan undang-undang terhadap banduan mereka akan diambil tindakan tegas.